

D701

U B666 AAB
MAHATHIR - BMF 3 KUANTAN (SAMBUNGAN BERITA)

DI IPOH, BEKAS PENERUSI EKSEKUTIF BANK BUMIPUTRA MALAYSIA BERHAD, DR NAWAWI MAT AWIN, BERKATA PENDEDAHAN ITU BOLEH MENGHILANGKAN KEPERCAYAAN PENGIKUT PARTI-PARTI PEMBANGKANG TERHADAP TENGKU RAZALEIGH.

KATANYA BELIAU TIDAK DAPAT MEMBERI APA-APA KENYATAAN TAMBAHAN MENGENAI SKANDAL ITU KERANA LORRAIN SEBAGAI BEKAS PENERUSI BMF LEBIH MENGETAHUI MENGENAI PERKARA TERSEBUT DARIPADA BELIAU.

+LORRAIN YANG TAHU TENTANG SKANDAL ITU DARIPADA SAYA,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA DI SINI KETIKA DIMINTA MENGULAS LAPORAN AKHBAR MENGENAI PENDEDAHAN ITU.

TENGKU RAZALEIGH MENJADI MENTERI KEWANGAN SEMASA SKANDAL BMF, ANAK SYARIKAT BANK BUMIPUTERA, BERLAKU.

+SESIAPA PUN BOLEH MEMBAYANGKAN KESAN DARIPADA PENDEDAHAN YANG DIBUAT OLEH LORRAIN ITU,+ KATA DR NAWAWI. -- BERNAMA
1809MST 17 10 90